

PROSIDUR 1

PERMOHONAN BEKALAN AIR BAGI PEMBANGUNAN BARU

Prosidur Permohonan Peringkat Pra-Pembinaan

Pemaju membuat permohonan kepada **SAINS Ibu Pejabat**, melalui **OSC, PBT** untuk permohonan seperti berikut:-
- Permohonan kebenaran merancang untuk tukar syarat, pecah sempadan dan pelan tatatur pembangunan, mengikut senarai semak **(SAINS/PER/BRG/001)**

Pemaju perlu melantik Pihak Jurutera Perunding yang bertauliah dan berdaftar dengan SPAN, perlu mematuhi segala kehendak Garispanduan Teknikal Seragam SPAN (UTG) dan Prosedur SAINS untuk Rekabentuk Sistem Bekalan Air

Perunding Membuat permohonan **Punca Air** untuk mendapatkan **Tekanan Air di 'Tapping point'** sebelum pelan direkabentuk dengan mengemukakan permohonan secara *system on-line* melayari www.sainswater.com atau <http://iperakuan.sainswater.com/index.aspx> dan secara *manual* (permohonan kali-2) dengan melengkapkan borang **JADUAL KETIGA** [subkaedah 6(2)] AIPA SPAN

Perunding perlu kemukakan pelan Retikulasi Sistem Bekalan Air & Sistem Pam ke **SAINS Ibu Pejabat** menggunakan borang **JADUAL KEEMPAT** [subkaedah 9(1) AIPA SPAN dan senarai semak SAINS (SAINS/PER/BRG/016)

Perunding (PSP) C&S/M&E/ Arkitek yang berdaftar dengan SPAN perlu kemukakan **pelan sistem paip air dalaman bangunan** ke **SAINS Ibu Pejabat** mengikut senarai semak **(SAINS/PER/BRG/006)** dan secara *system on-line* Pelan akan disimpan sebagai rekod sahaja.

Perunding M&E yang berdaftar dengan SPAN perlu kemukakan pelan dan **Rekabentuk Sistem Pam & Sistem Telemetry** mematuhi UTG SPAN bagi mengadakan tangki air dan sistem pam

Pemaju menjelaskan bayaran kos Sumbangan Modal Bekalan Air pendahuluan 10% dari jumlah kos sumbangan sebelum pelan diluluskan

Permohonan diluluskan

SAINS Maklumbalas Surat Kelulusan Pelan Sistem Retikulasi Paip Air, Sistem Pam & Telemetry kepada Perunding

Perlaksanaan pemasangan sistem paip dan ujian paip
Prosidur 2